

**Tim menteri: Hudud hanya cadangan ADUN Umno**  
**MalaysiaKini.com**  
**3 Julai, 2012**  
**Oleh Victor TM Tan**

Timbalan menteri pertanian Datuk Chua Tee Yong menolak cadangan untuk melaksanakan undang-undang hudud ke atas orang Islam dan bukan Islam di Johor kerana cadangan itu hanya dibuat oleh seorang ADUN Umno.

Katanya, beliau hanya mengambil kira kenyataan oleh tokoh seperti presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan mursyidul am parti itu, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Chua mengulas cadangan oleh ADUN Kemelah Datuk Ayub Rahat paa 20 Jun lalu untuk melaksanakan undang-undang tersebut di negeri Johor.

Chua juga menegaaskan bahawa MCA akan meninggalkan BN sekiranya hudud dilaksanakan.

"Nik Aziz dan Hadi Awang telah menyatakan banyak kali bahawa mereka akan melaksanakan hudud tetapi DAP masih bekerjasama rapat dengan PAS.

"Tambahan pulam ini bukan daripada Pemuda PAS, tapi daripada presiden dan mursyidul amnya," kata MP Labis itu lagi.

Chua juga mempersoalkan pendirian DAP mengenai keputusan untuk melantik seorang Melayu Islam sebagai perdana menteri sekiranya Pakatan Rakyat memenangi pilihan raya umum ke-13.